

02 DEC 2003

Dewan-Perlis (Raja)

PEMANGKU RAJA MAHU RAKYAT SENTIASA SOKONG DASAR KERAJAAN

KANGAR, 2 Dis (Bernama) -- Pemangku Raja Perlis Tuanku Syed Faizuddin Syed Sirajuddin Putra Jamalullail menggesa rakyat supaya sentiasa menyokong dasar dan agenda pembangunan kerajaan.

Menurut baginda, setiap dasar dan agenda pembangunan itu bertujuan meningkatkan taraf hidup masyarakat sejajar dengan pembangunan negara.

Bertitah merasmikan mesyuarat pertama, penggal persidangan kelima Dewan Undangan Negeri di sini hari ini, baginda melahirkan rasa bangga dengan sokongan dan kerjasama rakyat terhadap usaha memelihara keamanan dan keharmonian negeri itu.

"Ketahuilah bahawa tanpa keamanan dan keharmonian, segala hasrat dan cita-cita serta visi kita untuk memajukan bangsa dan negara tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan," titah baginda.

Pemangku Raja turut memuji kerajaan Perlis di bawah pimpinan Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim kerana berjaya mengubah lanskap pembangunan negeri itu dengan begitu cepat.

Baginda juga mengucapkan terima kasih kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang telah banyak berjasa kepada negara serta mengalu-alukan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri yang kelima.

Baginda berharap hubungan kerajaan negeri dan persekutuan akan sentiasa mantap dalam usaha memperjuangkan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri dan negara.

Pemangku Raja juga berharap kerenah birokrasi dalam sistem pentadbiran negeri disemak semula atau dikurangkan bagi menjamin perkhidmatan berkualiti kepada orang ramai.

Dewan dijadual bersidang selama tiga hari.

-- BERNAMA

AD DC MAI